



Ahmad Farhan (tengah) menerima sijil NDA yang disampaikan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali.

Institut Biosains UPM raih pengiktirafan

Kuala Lumpur: Institut Biosains, Universiti Putra Malaysia (UPM) menerima pengiktirafan National Depository Authority (NDA) atas Koleksi Kultur Mikrob Universiti Putra Malaysia (UPM-MCC) pada Majlis Anugerah Harta Intelek Negara 2024, baru-baru ini.

Naib Canselor UPM, Datuk Prof Ahmad Farhan Mohd Sadullah, berkata penghargaan itu adalah tanggungjawab besar bagi universiti dalam memperkasakan peranan UPM-MCC di peringkat nasional dan antarabangsa.

“Pengiktirafan ini menunjukkan kehebatan IBS UPM sebagai Program Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (HICOE) dan harapan saya universiti mampu melaksana dengan baik dan

juga mengubah senario negara dalam memastikan sel-sel kultur terpelihara untuk kegunaan masa depan,” katanya.

Pengarah IBS, Prof Dr Zunita Zakaria berkata, UPM-MCC adalah pusat penyimpanan koleksi kultur mikrob pertama di Malaysia yang akan menerajui penyimpanan strain mikroorganisma sebelum pihak pemohon membuat permohonan paten berkaitan mikroorganisma kepada MyIPO.

“Dengan adanya status NDA ini, UPM-MCC akan dapat menyediakan perkhidmatan penyimpanan bakteria di dalam kategori Patent Deposit bagi memenuhi salah satu syarat pemfailan paten berkaitan mikroorganisma di Malaysia,” katanya.